

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**


**BILANGAN 6 TAHUN 2026**

**PELANJUTAN TEMPOH PEMBERIAN DISKAUN KHAS KE ATAS BAYARAN  
PREMIUM BAGI PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH DI  
BAWAH SEKSYEN 90A KANUN TANAH NEGARA 1965**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 3/2026 yang bersidang pada 10 Februari 2026 telah membuat keputusan sebagaimana berikut:

- 1.1 Tempoh pemberian diskaun khas ke atas bayaran premium bagi permohonan pelanjutan tempoh pajakan tanah yang berakhir pada 30 April 2025 dilanjutkan sehingga 30 April 2027;
- 1.2 Lain-lain kelulusan yang dibuat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 09/2020 yang bersidang pada 22 April 2020 melalui Kertas Bilangan 9/2020 D7(105) dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 09/2022 yang bersidang pada 18 Mei 2022 melalui Kertas Bilangan 9/2022 D8(126) sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 04/2020 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 1/2022 adalah dikekalkan.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bilangan 04/2020, Pekeliling PTG Bilangan 1/2022 dan Arahan PTG Bilangan 03/2020.
3. Semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



.....  
DATO' HAJI NIK RAISNAN BIN HAJI DAUD, D.P.S.K.,P.M.K.(Kelantan)  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.**

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YBM. Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Pengarah Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN**

**BLOK 3,KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU KELANTAN.**

NO FAIL : PTG.KN.23/6/57

BERTARIKH : 09 Muharam 1448H bersamaan  
25 Jun,2026.